

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

Guna teknologi kesan pencemaran air



Kuala Lumpur: Penggunaan teknologi dalam penguatkuasaan boleh membantu agensi berkaitan mengesan pencemaran air.

Perunding Alam Sekitar, Amlir Ayat berkata, kekangan kakitangan untuk turun ke lapangan bagi membuat pemantauan membuka ruang kepada pihak tidak bertanggungjawab melakukan pencemaran.

Menurutnya, ini terbukti apabila pencemaran sungai khususnya di negeri industri seperti Selangor terus berlaku sepanjang tahun.

"Teknologi pengesanan menggunakan sensor seperti Singapura boleh mengesan pencemaran dari peringkat awal kimia berjadual dilepaskan ke saluran awam seperti longkang atau sungai.

"Sensor ini akan memberi isyarat kepada agensi penguatkuasa untuk bertindak segera jika bahan kimia berbahaya dilepaskan.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

"Ia juga menyebabkan industri akan lebih berhati-hati agar tidak sewenang-nya melepaskan bahan kimia berbahaya sehingga mendatangkan ancaman kepada sumber air," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, pencemaran yang terus berlaku membuktikan ada kelompongan perlu ditambah baik terutama penguatkuasaan dan undang-undang.

Katanya, jika dua faktor utama ini ditambah baik, pasti masalah pencemaran boleh diatasi sebaik mungkin.

"Rakyat juga perlu sedar pencemaran sumber air boleh memberi implikasi jangka panjang kepada masyarakat.

"Jangan pandang remeh dengan sumber air kerana ia boleh memberi kesan mudarat jika tidak dijaga dengan baik selain boleh melumpuhkan ekonomi," katanya.

Sebelum ini, Lembaga Urus Air Selangor melaporkan pencemaran Sungai Langat berpotensi melumpuhkan aktiviti harian jika bekalan air terpaksa dihentikan sementara waktu.